UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

# HMT 201 - Fonetik dan Fonologi Bahasa Malaysia

Tarikh: 26 Oktober 1987

Masa: 2.15 - 5.15 petang
( 3 Jam )

---

Jawab EMPAT(4) soalan. SOALAN NO. 1(a) ATAU 1(b) MESTI dijawab dan TIGA(3) soalan lain.

1. SAMA ADA

(a) Bahasa Malaysia

i. Teliti baik-baik data yang diberi di bawah ini dan kemudian tentukan imbuhan yang manakah yang anda anggap sebagai bentuk dasar dan terangkan kenapa?

ii. Tuliskan semua rumus yang boleh anda gunakan untuk menerbitkan semua bentuk terbitan di bawah ini.

iii. Nyatakan sama ada rumus-rumus yang anda tulis itu harus disusun atau tidak.

| Bentuk Dasar | Bentuk Terbitan |
|---|---|
| / aseŋ / | pəŋãseŋŋãn |
| / dapat / | pəndapat̚tan |
| / čuri / | pənčuriyan |
| / ikat / | pəŋĩkat̚tan |
| / utama / | pəŋũtamã?an |
| / simpan / | pəɲĩmpannãn |
| / nanti / | pənãntiyan |
| / aŋkat / | pəŋãŋkat̚tan |

.../2

| Bentuk Dasar | Bentuk Terbitan |
|---|---|
| / hibor / | pəŋhiborran |
| / warna / | pəwarnã?an |
| / kəras / | pəŋə̃rassan |
| / layan / | pəlayannãn |
| / bača / | pəmbača?an |
| / rampas / | pərampassan |
| / pasaŋ/ | pəmãsaŋŋãn |
| / ɲata / | pəɲãta?an |
| / tules / | pənũlessan |
| / sah / | pəŋə̃sahhan |
| / ǰaga / | pəɲǰaga?an |
| / gali / | pəŋgaliyan |
| / əmpaŋ / | pəŋə̃mpaŋŋãn |
| / empoh / | pəŋẽmpohhan |
| / masak / | pəmãsak̚kan |
| / olah / | pəŋõlahhan |

ATAU

(b) Bahasa Rekaan

Di bawah ini diberi beberapa kata nama dalam bentuk TUNGGAL, DUAAN, dan JAMAK.

| TUNGGAL | DUAAN | JAMAK |
|---|---|---|
| kámpast | kampástku | kampásta |
| logárpilk | kogarpílkku | logarpílka |
| óftunt | oftúntku | oftúnta |
| éstilt | estíltku | estílta |
| émpat | empátku | empá:ta |
| ló:gos | logósku | logó:sa |
| dividá:val | dividaválku | dividavá:la |
| isú:kelt | isukéltku | isukélta |

.../3

| TUNGGAL | DUAAN | JAMAK |
|---|---|---|
| éstalk | stálkku | stálka |
| éspan | spánku | spá:na |
| é:tal | tálku | tá:la |
| é:muf | múfku | mú:fa |
| pásto | pastó:ku | pásta |
| uníste | unisté:ku | unísta |
| mú:lu | mulú:ku | mú:la |
| odá:ka | odaká:ku | odá:ka |
| éste | sté:ku | ésta |
| é:ni | ní:ku | é:na |
| é:po | pó:ku | é:pa |
| éspa | spá:ku | éspa |

i. Tuliskan bentuk dasar bagi setiap kata nama dasar (stem).

ii. Anggapkan bahawa semua rumus harus disusun (iaitu 'output' sesuatu rumus mungkin merupakan 'input' kepada sesuatu rujus lain)

a. Tuliskan rumus-rumus yang boleh menerbitkan kesemua data daripada bentuk-bentuk dasar.

b. Susunan rumus yang macam mana yang anda anggap betul? Kenapa?

c. Perlihatkan proses penerbitan yang lengkap bagi bentuk JAMAK <u>é:na</u>

2. Terangkan bagaimana bunyi bahasa Malaysia yang diberi di bawah ini dapat dihasilkan. Jawapan anda harus disertai dengan gambarrajah yang sesuai.

[s] [ŋ] [č] [r]

.../4

3. Bincangkan ketiga-tiga pendapat yang berlainan mengenai konsep fonem yang disampaikan oleh Daniel Jones, Trubetzkoy dan Badouin de Courtnay, dan mengikut pendapat anda pendapat yang mana satu yang anda anggap lebih unggul.

4. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai daripada bahasa Malaysia, terangkan bagaimana anda dapat menentukan bahawa sesuatu segmen bunyi itu fonem dan bukan alofon, dan sebaliknya.

5. Terangkan perkara-perkara yang harus kita pertimbangkan dalam penentuan bentuk dasar (underlying representations) dalam bidang fonologi.

6. Transkripsikan ayat di bawah ini ke dalam bentuk fonem dan bentuk fonetik, dan kemudian tulis rumus-rumus yang boleh menerbitkan bentuk fonetik daripada bentuk fonem.

   (a) Budak-budak itu tidak akan bermain bola di padang yang berhampiran dengan pokok nyiur yang condong itu kerana mereka ketakutan ditimpai buah kelapa.

   (b) Kemurnian bahasa kita patut kita kekalkan dan hal ini boleh kita lakukan dengan sentiasa menggunakan rumus nahu bahasa kita yang betul dan dengan secara inilah kita dapat mengelakkan pencemaran bahasa yang diakibatkan oleh unsur bahasa asing.

-ooo000ooo-